

Berita baik untuk pekerja sektor swasta



Dr Mohd Yahya
Mohamed Arifin

mohdyma@gmail.com

TIP KERJAYA

SELEPAS Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd Najib Tun Razak mengumumkan pelaksanaan gaji minimum pada 30 April lepas, pada tahun ini satu lagi berita baik untuk pekerja dalam sektor swasta apabila Rang Undang-undang Umur Persaraan Minimum diluluskan di Parlimen.

Jika kakitangan sektor awam dilanjutkan umur persaraan mereka sehingga 60 tahun sejak Januari lepas, kini giliran kakitangan sektor swasta bakal mendapat hak yang sama apabila Rang Undang-undang itu diluluskan dan berkuat kuasa Januari 2013.

Pada 13 Jun lepas Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Dr S Subramaniam membentangkan Rang Undang-undang Umur Persaraan Minimum 2012 yang dibacakan buat pertama kali di Dewan Rakyat.

Laporan media menunjukkan walaupun ada yang tidak bersetuju, kebanyakan pihak yang berkepentingan dengan sektor swasta memberi reaksi positif dan menyokong perlanjutan umur persaraan daripada 55 ke 60 tahun.

Pengarah Eksekutif Persekutuan Majikan-majikan Malaysia, Shamsuddin Bardan seperti yang dilaporkan oleh media berkata, pengenalan Rang Undang-undang yang dibentangkan itu mampukah langkah terbaik dalam mengurangkan bebanan kerajaan pada masa depan.

Katanya, menaikkan umur bersara wajib ini sesuatu yang baik kerana jangka hayat rakyat negara ini sudah meningkat sehingga melebihi 70 tahun.

Maklum balas yang penulis terima daripada beberapa rakan yang berkhidmat dalam sektor swasta berpendapat umur bersara pada masa kini sudah tidak sesuai memandangkan pekerja masih cergas dan mampu melaksanakan tugas masing-masing walaupun telah mencecah 55 tahun.

Rang Undang-undang itu antara lain menetapkan umur bersara minimum pada usia 60 tahun atau boleh bersara pada umur pilihan yang akan dipersetujui dalam kontrak perkhidmatan atau perjanjian kolektif dengan majikan masing-masing.

Perubahan itu perlu dilakukan memandangkan banyak negara termasuk negara maju dan negara jiran turut meletakkan umur persaraan 60 tahun.

Maklumat Malaysia Employers Federations menunjukkan pada masa ini umur persaraan di kebanyakan negara di kawasan Asia Pasifik melebihi 60 tahun. Kebanyakan

negara Eropah juga telah lama menetapkan 65 tahun sebagai umur persaraan, malah negara seperti Amerika Syarikat dan Jerman lebih tinggi daripada itu iaitu 67 tahun.

Jadual 1: Perbandingan umur persaraan di Malaysia dengan beberapa negara terpilih

Negara	Umur persaraan
Malaysia	55
Filipina	60
Indonesia	60
Thailand	60
Vietnam	60
Korea Selatan	60
India	60
Singapura	61-64
Hong Kong	65
Jepun	65
Australia	65
New Zealand	65
Amerika syarikat	67
Jerman	67

Di bawah undang-undang ini kelak pekerja sedia ada dan pekerja baru termasuk lepasan universiti akan ditawarkan kontrak perkhidmatan sehingga 60 tahun. Bagaimanapun, pekerja boleh bersara pada umur pilihan seperti yang dipersetujui dalam kontrak perkhidmatan.

Bagi pihak majikan, mereka tidak boleh memaksa pekerja bersara sebelum usia 60 tahun dan boleh didenda tidak lebih RM10,000 jika melanggar akta terbabit. Kementerian-

an Sumber Manusia melalui Jabatan Tenaga Kerja pula mempunyai kuasa untuk mengarahkan majikan memberi semula pekerjaan kepada pekerja yang diarahkan bersara sebelum usia 60 tahun.

Jabatan itu juga boleh mengarahkan majikan membayar tunggakan gaji mulai tarikh pekerja dibersarakan hingga tarikh diberikan semula kerjanya. Akta itu sebenarnya memberi manfaat kepada pelajar universiti khususnya yang akan memasuki pasaran kerja kerana dapat berkhidmat lebih lama dan boleh merancang kerjaya masing-masing sehingga usia 60 tahun.

Lebih lama tempoh perkhidmatan maka, lebih banyak tabungan khususnya dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja akan terkumpul untuk digunakan selepas bersara kelak.

Jadual 2: Fakta penting dalam Rang Undang-undang Umur Persaraan Minimum 2012

Pekerja:

Akan bersara pada usia 60 tahun. Bersara pada umur pilihan yang dipersetujui dalam kontrak perkhidmatan atau perjanjian kolektif dengan majikan.

Majikan:

Tidak boleh memaksa pekerja bersara sebelum usia 60 tahun.

Boleh didenda tidak lebih RM10,000 jika melanggar akta ini.

Jabatan Tenaga Kerja:

Boleh mengarahkan majikan memberi semula pekerjaan kepada pekerja yang diarahkan bersara sebelum usia 60 tahun.

Boleh mengarahkan majikan membayar tunggakan gaji mulai tarikh pekerja dibersarakan hingga tarikh diberikan semula kerjanya.

Kumpulan yang tidak tertakluk di bawah akta ini:

Pekerja tetap, sementara atau kontrak dan menerima emolumen daripada Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri, badan berkanun atau pihak berkuasa tempatan.

- ✦ Pekerja dalam tempoh percubaan.
- ✦ Bukan warganegara Malaysia.
- ✦ Perkhidmatan domestik.

Pekerja yang waktu kerjanya kurang daripada 70 peratus waktu bekerja biasa pekerja sepenuh masa.

Pelajar bekerja secara kontrak untuk sementara.

Pekerja bersara pada umur 55 tahun atau lebih sebelum akta ini dikuatkuasakan, tetapi kembali bekerja selepas itu.

■ Penulis ialah Profesor Madya dan Timbalan Dekan, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia